

21/11/1999

Pas tidur setilam dengan DAP

SEBAGAI seorang yang lahir di tengah-tengah masyarakat Melayu yang mundur dan membesar dalam masyarakat Melayu yang terbelah kerana fahaman politik, Kiau begitu kagum dengan pilihan raya umum kali ini.

Kiau mula-mula dengar mengenai politik dan pilihan raya pada tahun 1955 iaitu waktu pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan diadakan. Inilah percubaan kita yang pertama dengan demokrasi. Waktu itu Kiau berumur lapan tahun dan baru masuk sekolah Melayu.

Menjelang pilihan raya umum 1959 yang diadakan dua tahun selepas negara kita merdeka, Kiau lebih faham pasal keluarga Kiau, walaupun hanya pesawah biasa, amat cergas dalam politik.

Arwah nenek Kiaulah yang mengajar Kiau politik. Dia sering beri tahu Kiau, dia memangkah kapal layar (simbol parti Perikatan) kerana parti itu parti Tunku Abdul Rahman.

Kiau terbabit terus dengan politik pada pilihan raya 1969 apabila Kiau ikut sama menampalkan poster pilihan raya dengan upah RM5 sehari. Waktu itu RM5 cukup besar.

Tahun itulah Pas mula mengkafirkan orang Umno kerana berpakat dengan MCA dan MIC, melancarkan 'kempen teriak (menangis)' di kalangan wanita dan mengancam menghambat orang Cina dan India masuk laut.

Itulah juga tahun DAP menyertai pilihan raya buat kali pertama dengan slogan 'Malaysian Malaysia', menentang hak istimewa orang Melayu dan mempertikaikan Dasar Bahasa Kebangsaan yang berkuatkuasa tahun 1967.

Kiau ingat bagaimana Pas memberitahu orang Melayu bahawa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad anti-Islam kerana tidak pakai songkok dan berkawan dengan Cina.

Kepada orang Cina, Pas kata Dr Mahathir sangat bahaya pasal dia nasionalis Melayu yang bencikan orang bangsa lain.

Setelah gagal menguasai negeri-negeri Melayu pada pilihan raya itu walaupun memainkan isu agama dan perkauman dengan seluas-luasnya, Pas guna pula slogan negara Islam dan hukum hudud.

Satu perkara yang Kiau tengok banyak juga orang kita tak faham ialah mengenai soal kafir-mengkafir. Sebenarnya ini tidak wujud. Yang wujud ialah mengkafir. Sebab satu pihak saja yang buat kerja itu. Hanya Pas yang mengkafirkan orang. Umno tak buat kerja itu.

Tapi pada pilihan raya kali ini Kiau kagum melihat sikap Pas. Pas sudah berubah. Pas yang dulu mengkafirkan orang Umno kerana berpakat dengan MCA dan MIC sekarang tidur setilam dengan DAP.

Kiau kata, apabila tidur sekatil jaga-jagalah sikit agar DNA Pas dan DAP tidak terpalit di merata tempat. DNA ini kalau terpalit payah hendak dihilangkan. Sampai bila-bila pun boleh dibuat ujian. DNA politik yang Kiau maksudkan.

Ini jugalah Pas yang berkata Allah mencarut, memaki hamun dibenarkan dan orang bukan Islam boleh jadi Perdana Menteri.

Umno yang sekian lama bekerjasama dengan begitu banyak parti bukan Melayu pun tidak pernah kata orang bukan Islam boleh jadi Perdana Menteri. Parti-parti bukan Melayu dalam BN pun tidak pernah tuntutan jawatan Perdana Menteri.

Agaknya inilah yang terjadi kepada orang yang suka berkhayal atau mabuk kuasa. Apabila terjaga daripada lamunan atau ternampak peluang berkuasa mereka hilang punca.

Tiba-tiba yang dulu tidak boleh jadi boleh, yang haram jadi halal yang

tidak penting jadi perjuangan hidup mati.

Inilah yang berlaku kepada seorang yang kononnya cendekiawan, seorang 'conscious objector', seorang ahli ekonomi dan seorang pensyarah universiti bernama Jomo Kwame Sundaram atau lebih terkenal dengan singkatan KS Jomo.

Berusia 46 tahun dan setelah tidur nyenyak melalui pilihan raya umum 74, 78, 82, 86, 90 dan 95 dia tiba-tiba mengigau dengan igauan yang sangat ngeri.

Dia melompat bangun yang bergegas ke pusat pendaftaran pengundi (tempoh pendaftaran 2 April-1 Mei, 1999) kerana dia tiba-tiba menyedari hak mutlaknya di bawah sistem demokrasi negara kita.

Sebelum itu dia hanya meraih keuntungan hasil daripada amalan demokrasi orang lain dan membuat bising tidak setuju dengan pelbagai dasar dan rancangan kerajaan. Rupa-rupanya mendaftar jadi pengundi pun tidak.

Sekarang kerana hampa tidak dapat mengundi, dia saman supaya pilihan raya kali ini ditangguhkan sehingga nama pengundi baru seperti dirinya dimasukkan.

Maka demikianlah pentingnya conscious objector ini kepada demokrasi kita sehingga pilihan raya perlu ditangguh sampai namanya masuk dalam senarai pemilih.

Atau apakah ini yang dipanggil the tyranny of individualism yang menjadi Tuhan budaya liberal Barat?

(END)